



**PENYATA KHAS
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

PENYATA KHAS

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71. (1) – (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas dan menurut Peraturan Tetap 76 (3) dan (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata Khas ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013 pada 19 - 22 November, 25 – 29 November dan 2 Disember 2013.

2. AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Keahlian Jawatankuasa terdiri daripada:

- | | |
|--|-----------|
| (1) Y.B. Tuan Saari Bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| (2) Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |
| (3) Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |
| (4) Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| (5) Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| (6) Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| (7) Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADUN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |

3. PANDUAN KERJA JAWATANKUASA

Jawatankuasa telah memuktamadkan satu panduan kerja dalam mesyuarat Bil 2/2013 bertarikh 23 Julai 2013 dengan butiran-butiran seperti berikut:

3.1 Kuasa Penubuhan

Penubuhan Jawatankuasa adalah mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

Pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa telah dilaksanakan melalui Usul No. 9 Tahun 2013 pada Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas, 8 Julai 2013.

3.2 Hasrat Penubuhan

Jawatankuasa ditubuhkan adalah dengan hasrat untuk meletakkan semua rakyat Selangor berada di atas Paras Garis Kemiskinan dan membantu mengukuhkan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan oleh Kerajaan Negeri serta pelaksanaan oleh agensi-agensinya.

3.3 Skop Kerja

Skop kerja Jawatankuasa adalah:

- (1) Meneliti, menyemak dan menilai dasar serta program-program pembasmian kemiskinan Kerajaan Negeri.
- (2) Memantau agensi-agensi di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan Menteri Besar Incorporated (MBI) yang diberi tanggungjawab melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan.
- (3) Memperakui sumbangan institusi masyarakat seperti masjid, surau, gereja, kuil, tokong, gurdwara dan rumah-rumah ibadat lain dalam menjayakan program-program pembasmian kemiskinan rakyat.
- (4) Mensinergikan sumbangan individu-individu serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan.

3.4 Peranan

Peranan Jawatankuasa adalah memantau, menyemak dan mengimbang pelaksanaan Kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya terhadap dasar dan program-program yang berkaitan dengan peningkatkan ekonomi rakyat dan pembasmian kemiskinan.

Tidak sama sekali Jawatankuasa ini berperanan mahupun terlibat dalam mana-mana aspek perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti pembasmian kemiskinan.

Jawatankuasa bertanggungjawab dan melapor terus kepada Dewan Negeri Selangor dan bukan kepada MMKN atau mana-mana cabang di bawahnya.

3.5 Modus Operandi

Modus operandi Jawatankuasa adalah dengan:

- (1) Mengkaji dokumen, laporan, akta, enakmen, rang undang-undang, cadangan rang undang-undang, rakaman serta kajian-kajian kes yang berkenaan.
- (2) Menganjurkan sesi-sesi taklimat bagi mendapatkan maklumat khas daripada MMKN serta agensi-agensi yang melaksanakan dasar dan program-program Kerajaan Negeri.
- (3) Menganjurkan sesi-sesi rundingan meja bulat bagi mendalami sesuatu dasar, konsep atau isu dan juga pelaksanaan berkaitan dengan pembasmian kemiskinan.
- (4) Mengadakan forum dan seminar bagi membahaskan secara makro mahupun mikro dengan mendapatkan pandangan-pandangan pakar dalam dasar dan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan.
- (5) Mengadakan lawatan dan siasatan ke lokasi-lokasi di mana diadakan aktiviti dan program pembasmian kemiskinan di bawah agensi-agensi Kerajaan Negeri.
- (6) Mengadakan sesi-sesi pendengaran tertutup dengan memanggil saksi-saksi ataupun hadir bertemu saksi-saksi berkenaan bagi memberi keterangan di bawah sumpah.
- (7) Membuat segala persediaan bagi satu pendengaran awam di bawah SELCAT sekiranya perlu.

3.6 Output dan Hasil Kerja

Hasil kerja Jawatankuasa dibawa dan dibentangkan terus ke Sidang Dewan Negeri dalam bentuk:

- (1) Usul (di bawah Peraturan Tetap 26)
- (2) Penyata (di bawah Peraturan Tetap 76(1) – 76(4))
- (3) Usul berkenaan Penyata (di bawah Peraturan Tetap 76(5))
- (4) Laporan siasatan awal bagi pendengaran awam di bawah SELCAT

- (4) Tidak beroperasinya satu kerangka panduan bagi memandu dasar dan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan.

Dengan itu Jawatankuasa menyarankan:

- (1) Ketiga-tiga Pengerusi Jawatankuasa Tetap (yang juga merupakan ahli MMKN) mewujudkan satu platform penyelarasan perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti pembasmian kemiskinan di bawah kepimpinan mereka masing-masing. Sinergi kerja bersama Lembaga Zakat Selangor hendaklah diwujudkan.
- (2) Mewujudkan saluran kerjasama dalam merancang dan melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan antara Jawatankuasa Tetap di bawah Kerajaan Negeri dengan Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- (3) Kerajaan Negeri mewujudkan satu *Task-Force* untuk mengumpulkan maklumat dan menyediakan pangkalan data rakyat Selangor yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan.
- (4) Menyemak semula, mengemaskini, meminda mana yang perlu serta memberi nafas baru bagi menjadikan “Blue Print Membasmi Kemiskinan di Negeri Selangor” sebagai satu kerangka panduan yang operasional.

Selaras dengan Peraturan Tetap 76 (3), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Penyata Khas ini telah disediakan oleh YB Tuan Hj Saari Sungib, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan pada 31 Oktober 2013.

Disahkan oleh :



YB Tuan Hj Saari Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan

(3) 1 Oktober 2013, 2013, Selasa, 10:00 pagi.

Jemputan bagi sesi Rundingan Meja Bulat iaitu:

- a. YB Senator Dr Syed Husin Ali, Ahli Dewan Negara;
- b. Y.Bhg. Dr Zakariah bin Abdul Rashid, Pengarah Eksekutif, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER);
- c. Dr Tricia Yeoh; *Institute of Democracy and Economic Affairs (IDEAS)*;
- d. Encik Azlan bin Awang, *Equality Trust*;
- e. Encik Anas Alam Faizli, *Equality Trust*;
- f. Encik Razin bin Murat, *Blindspot*; dan
- g. Encik Khalid bin Karim, *Blindspot*

4.3 Kompilasi Soalan dan Jawapan Dewan Negeri Selangor

Dengan bantuan Urus setia Dewan Negeri Selangor, soalan serta jawapan berkaitan isu kemiskinan yang dibangkitkan di dalam Mesyuarat Persidangan Tahun 2008 - 2012 telah berjaya dikumpulkan. Satu kompilasi lengkap telah diedarkan kepada setiap Ahli Jawatankuasa bagi kajian dan penelitian.

5. PENEMUAN DAN SARANAN AWAL JAWATANKUASA

Jawatankuasa masih meneruskan sesi-sesi Rundingan Meja Bulat, wawancara, penyelidikan, pemerhatian serta lawatan meninjau projek-projek pembasmian kemiskinan. Rumusan yang menyeluruh masih belum boleh dilakukan lagi. Namun beberapa penemuan awal telah dikenal pasti, iaitu:

- (1) Tiada atau kurangnya penyelarasan di kalangan jawatankuasa tetap, agensi dan jabatan yang menjalankan program-program pembasmian kemiskinan.
- (2) Wujudnya perancangan serta pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan paling utama di seluruh Selangor yang berjalan secara berasingan, iaitu antara program-program di bawah Kerajaan Negeri dengan program-program di bawah Lembaga Zakat Selangor.
- (3) Tidak ada maklumat dan pangkalan data bersepadan berkenaan rakyat mahupun penduduk Selangor yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan, iaitu berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan seisi keluarga.

3.7 Ukuran Prestasi Kerja

Ukuran prestasi kerja atau KPI Jawatankuasa adalah:

- (1) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan.
- (2) Membentangkan sekurang-kurangnya sebuah Penyata pada setiap Sidang Dewan Negeri.
- (3) Membentangkan sekurang-kurangnya 3 (tiga) usul atau usul berkenaan Penyata dalam setahun.
- (4) Memantau agar semua syor daripada usul dan penyata diambil tindakan atau maklum balas dalam tempoh 12 bulan yang berikutnya.

3.8 Jadual Kerja Julai – November 2013

Sebagai persediaan bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2013, Jawatankuasa telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- (1) Taklimat daripada Ahli-ahli MMKN tentang dasar dan program-program Kerajaan Negeri terhadap pembasmian kemiskinan serta senarai penuh agensi-agensi pelaksanaannya.
- (2) Taklimat daripada agensi utama di bawah Kerajaan Negeri yang terlibat dalam menjayakan program dan aktiviti pembasmian kemiskinan.
- (3) Mengenalpasti dua atau tiga program yang dilaksanakan oleh agensi bagi penelitian dan perincian sebagai kajian kes prestasi dan pencapaian pembasmian kemiskinan rakyat.
- (4) Mengenalpasti individu-individu pakar, institusi keagamaan, NGO dan aktivis yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan.
- (5) Mengadakan sidang media atau mengeluarkan kenyataan media bagi mewarwarkan hasrat jawatankuasa dalam melibatkan individu, pakar, institusi keagamaan, NGO dan aktivis dalam program dan aktiviti pembasmian kemiskinan.
- (6) Mengadakan sesi rundingan meja bulat memanggil pakar, wakil-wakil institusi keagamaan, NGO dan aktivis bagi berkongsi pengalaman.

4. PENCAPAIAN KERJA JAWATANKUASA

4.1 Mesyuarat

Sejak penubuhannya sehingga Penyata Khas ini dibentangkan, Jawatankuasa telah mengadakan 6 (enam) mesyuarat seperti butiran berikut:

- (1) 16 Julai 2013, Selasa, 10:00 pagi
- (2) 23 Julai 2013, Selasa, 10:00 pagi
- (3) 20 Ogos 2013, Selasa, 10:00 pagi
- (4) 27 Ogos 2013, Selasa, 2:00 petang
- (5) 17 September 2013, Selasa, 10:00 pagi
- (6) 1 Oktober 2013, Selasa, 2:00 petang

4.2 Taklimat dan Taklimat di bawah Sumpah

Sehingga Penyata Khas ini dibentangkan, Jawatankuasa telah mengadakan 4 (empat) taklimat dan taklimat di bawah sumpah seperti butiran berikut:

- (1) 23 Julai 2013, Selasa, 10:00 pagi
YB Puan Rodziah Ismail,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan hal Ehwal Wanita.
- (2) 23 Julai 2013, Selasa, 11:00 pagi
Tuan Haji Mohamed Izam Mohamed Yusof,
Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Selangor.
- (3) 27 Ogos 2013, Selasa, 2:30 petang
YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin.
- (4) 27 Ogos 2013, Selasa, 4:00 petang
YB Tuan Sallehen bin Mukhyi,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Pemodenan Pertanian, Pembangunan Desa

4.3 Rundingan Meja Bulat

Sehingga Penyata Khas ini dibentangkan, Jawatankuasa telah mengadakan 3 (tiga) sesi rundingan meja bulat seperti butiran berikut:

- (1) 20 Ogos 2013, Selasa, 10:00 pagi.
Jemputan bagi sesi Rundingan Meja Bulat iaitu:
 - a. Y.Bhg Profesor Madya Dr. Fatimah binti Kari, Pengarah Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan (CPDS), Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya;
 - b. Pn. Rohany binti Talib, Ketua Pentadbir Perbadanan Menteri Besar (MBI);
 - c. En. A. Halim bin M Yusof, Pegawai Penyelidik dan Penganalisis Ekonomi MBI;
 - d. Pn. Norhida binti Abdul Aziz, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan Sosioekonomi dan Bantuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor(JKMNS); dan
 - e. En. Reduan bin Mohd Musa, wakil bagi Bahagian Pembangunan Komuniti Sosial dan Belia, Jabatan pembangunan Kemasyarakatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).
- (2) 17 September 2013, Selasa, 10:00 pagi.
Jemputan bagi sesi Rundingan Meja Bulat iaitu:
 - a. Madam Michelle Gyles-McDonough, *UNDP Resident Representative for Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam*;
 - b. Tn. Haji. Zairul Shahfuddin bin Zainal Abidin, Pengarah Negara, *Islamic Relief Malaysia*;
 - c. En. Shamsul Maarif Ismail, Timbalan Yang Dipertua, Pertubuhan Ikram Selangor;
 - d. Encik Azlan bin Awang, *Equality Trust*; dan
 - e. Encik Razin bin Murat, *Blindspot*